

1983

KUALA LUMPUR, 19 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCADANGKAN KAKITANGAN KERAJAAN MENGORBANKAN 15 MINIT DARI MASA MEREKA KHAS UNTUK MASYARAKAT DAN NEGARA. INI DAPAT DILAKUKAN DENGAN DATANG KE PEJABAT PADA MASA YANG DITETAPKAN TETAPI PULANG 15 MINIT LEBIH LEWAT.

+INI ADALAH SEBAGAI KHIDMAT RELA KITA KEPADA MASYARAT DAN NEGARA.... INSYALLAH KITA SEMUA AKAN MENDAPAT NIKMAT DARIPADANYA, +KATA PERDANA MENTERI DISAMBU DENGAN TEPUKAN GEMURUH OLEH 10,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN YANG MENYERTAI UPACARA PELANCARAN KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENJELASKAN +SYOR SAYA INI ADALAH SYOR SAHAJA DAN TIDAK ADA PAKSAAN DALAM PERKARA INI,+ DISAMBU KALI INI DENGAN GELAK KETAWA PARA PESERTA.

KEMUDIAN DENGAN BERSELOROH BELIAU BERKATA OLEH KERANA AMALAN ITU ADALAH AMALAN YANG BAIK, BELIAU YAKIN NEGARA DAN MASYARAKAT TIDAK AKAN DIHAMPAKAN.

+KITA PERLU INGAT BAHAWA IKRAR KITA BELUM DAPAT DIPENUHI JIKA KITA MEMBERI KHIDMAT PERCUMA INI SAHAJA. BANYAK LAGI YANG PERLU DIAMALKAN OLEH KITA SUPAYA IKRAR YANG DIB<sup>U</sup>T EMPUNYAI MAKNA.+

--LAGI 1413/PA

MAHATHIR-KERJA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN CADANGAN BELIAU ITU ADALAH SEBAGAI SATU SIMBOL YANG NYATA DAN BERKESAM TERHADAP IKRAR KAKITANGAN KERAJAAN UNTUK MENUNJUKKAN TAULADAN BAIK, MENGAMALKAN SEGALA NILAI YANG MULIA, MENJADIKAN NEGARA LEBIH KUKUH DAN MAJU JAYA DAN MENJADIKAN MASYARAKAT NEGARA INI LEBIH BAHAGIAN, BERSATU-PTU DAN BERJAYA.

+SEBAGAI PETANDA BAHAWA IKRAR KITA ADALAH IKRAR YANG DATANG DARI HATI YANG SUCI, DIBUAT DENGAN IKHLAS, KITA PERLU MEMBUKTIKAN PEGANGAN KITA KEPADA IKRAR INI DENGAN MEMBUAT SATU PENGORBANAN SEBAGAI BUKTI DAN TANDA KEIKHLASAN IKRAR INI,+ TEGASNYA.

BELIAU PERCAYA TAULADAN YANG DITUNJUKKAN OLEH KAKITANGAN KERAJAAN HARI INI AKAN DICONTOKI OLEH PIHAK SWASTA KERANA KERAJAAN SAHAJA TIDAK MUNGKIN BERKESAM JIKA PIHAK SWASTA DAN ORANG AWAM KESELURUHANNYA TIDAK MEMBERI KERJASAMA DAN TIDAK MENGAMALKAN AMALAN BAIK YANG TELAH DIUTARAKAN.

BELIAU MENGULANGI MALAYSIA MEMERLUKAN RAKYAT YANG BERSIH CEKAP DAN BERAMANAH, YANG RAJIN DAN BERDISIPLIN UNTUK MENJADIKAN NEGARA SELAMAT DAN MAJU JAYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM USAHA MENINGGIKAN TARAF HIDUP SERTA KEBAHAGIAAN MASYARAKAT DAN NEGARA, RAKYAT EMPUNYAI DUA PILIHAN - IAITU PILIHAN JANGKA PENDEK DAN PILIHAN JANGKA PANJANG. -- LAGI 1430/PA

ZCZC 0571

MAHATHIR-KERJA 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, MEREKA YANG MEMBENARKAN NAFSU MENGUASAI DIRI AKAN MEMILIH KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK YANG SUNGGUHPUN +NIKMATNYA+ DIRASAI LEBIH AWAL, TETAPI AKHIRNYA KESAN BURUK AKAN MELANDA DIRINYA.

+ORANG YANG SELALU MENGUTAMAKAN FAEDAH JANGKA PENDEKLAH YANG KERAP TERLIBAT DENGAN RASUAH, KECURANGAN DAN BERBAGAI LAGI AMALAN YANG TIDAK BAIK.+

BELIAU MERAYU RAKYAT MENGUTAMAKAN KEBAIKAN JANGKA PANJANG DENGAN BEKERJA TEKAN SEKARANG KERANA BUKAN SAHAJA AKAN MENDAPAT FAEDAH LEBIH BAIK KEMUDIAN TETAPI JUGA ZURIAT MEREKA TURUT MENGECAPI NIKMAT DENGAN NEGARA MENJADI LEBIH MAJUJAYA.

+MEREKA AKAN HIDUP BERMARUAH TINGGI, DIHORMATI OLEH SEMUA ORANG DAN MEREKA AKAN LEBIH BERUPAYA MENENTUKAN ZURIAT MEREKA PULA BERADA DALAM KEADAAN YANG LEBIH MULIA.+ -- BERNAMA 1430/PA